

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**SPW202 - Perhubungan Antarabangsa**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Arahan:** Jawab **TIGA (3)** daripada soalan-soalan berikut. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Kenapakah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan dan bagaimanakah ianya menyumbang ke arah keselamatan serantau di Asia Tenggara? Apakah kesan dan implikasi penubuhan "*ASEAN Regional Forum*" (ARF) kepada ASEAN?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan diplomasi? Apakah perbezaan di antara diplomasi sebagai satu proses dengan diplomasi sebagai satu kaedah? Apakah hubungan kuasa dengan diplomasi?
3. Thomas Hobbes, Hugo Grotius dan Emmanuel Kant merupakan penulis-penulis yang telah mempengaruhi perkembangan ilmiah perhubungan antarabangsa. Banding dan bezakan pendapat-pendapat mereka berkenaan: a) anarki antarabangsa; b) masyarakat antarabangsa; dan c) komuniti antarabangsa. Berikan contoh-contoh yang relevan untuk menyokong hujahan anda.
4. Kenapakah perang berlaku di peringkat antarabangsa? Apakah kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku? Apakah yang dimaksudkan dengan konsep “perang yang adil” (*just war*), dan apakah implikasinya terhadap peperangan?
5. Bincangkan kesemua perkara di bawah:
  - a. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (*United Nations*)
  - b. Sistem “multipolar” (*multipolar system*)
  - c. “Terrorisme” (*terrorism*)
  - d. “Pembinaan keamanan” (*peacebuilding*)
  - e. “Politik ekonomi antarabangsa” (*international political economy*)